

BANTUAN BINA RUMAH (SARA HIDUP)

OBJEKTIF

Membantu golongan Asnaf Fakir dan Miskin untuk membina rumah yang lebih selamat dan selesa.

KEKERAPAN

Kadar bantuan diberi sekali sahaja.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Pemohon hendaklah penduduk Islam Sarawak dan mereka yang bermastautin di Sarawak.
2. Penerima adalah dalam golongan Asnaf Fakir dan Miskin.
3. Bantuan ini adalah dikhususkan kepada penerima Bantuan Sara Hidup Tabung Baitulmal Sarawak.
4. Keutamaan keluarga yang mempunyai tanggungan 5 atau lebih.
5. Pemohon yang memiliki geran tanah atas nama sendiri.
6. Geran tanah yang berbentuk perkongsian bersama atau pemilikan orang lain maka hendaklah mendapat surat kebenaran pemilik tanah untuk mendirikan rumah tersebut dan perlu mendapat pengesahan daripada Ketua Masyarakat setempat ataupun persetujuan bersumpah pemilik tanah.
7. Dalam kes-kes tertentu, tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan pihak pengurusan Tabung Baitulmal Sarawak.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)

1. Dokumen asas.
2. Gambar hasil siasatan (Gambar depan rumah, bersama pemohon dan tanggungan, dapur dan ruang tamu rumah).
3. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.